



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# Pendidikan Moral

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 2





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# Pendidikan Moral

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

## Tingkatan 2

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2016

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

---

**KANDUNGAN**

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus.....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	8
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	10
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	11
Elemen Merentas Kurikulum.....	15
Pentaksiran Sekolah.....	18
Organisasi Kandungan.....	22
Bidang 1: Pengenalan Moral.....	27
Bidang 2: Diri, Keluarga dan Persahabatan.....	29
Bidang 3: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat.....	35
Bidang 4: Moral, Peraturan dan Undang-undang.....	41
Panel Penggubal DSKP KSSM Pendidikan Moral Tingkatan 2.....	48





## RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

# **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber:Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## **DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN**

### **3. Kurikulum Kebangsaan**

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97]



## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusnya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagai mana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL**  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum



## PENDAHULUAN

Mata pelajaran Pendidikan Moral bertujuan untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan mengutamakan perpaduan serta bersemangat patriotik ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Kurikulum mata pelajaran ini direalisasikan melalui Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) yang merupakan dokumen wajib yang perlu dirujuk oleh guru untuk merancang dan mentaksir Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Guru perlu merancang bagi menterjemahkan DSKP ini dengan bijak supaya PdP lebih berkesan dan menarik. Di samping itu, guru perlu memahami tahap penguasaan yang digariskan dalam DSKP ini dan sentiasa memastikan tahap-tahap penguasaan ini dikuasai oleh murid.

Kurikulum ini juga memberi pemahaman dan penghayatan serta memastikan murid mengamalkan nilai universal yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum serta perundangan di negara ini. Kurikulum ini turut menyediakan satu panduan kepada

murid untuk membuat keputusan dan tindakan yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial terhadap masyarakat, negara dan global. Ia juga selaras dengan tiga prinsip moral iaitu altruistik, autonomi dan keadilan bagi membina dan mengekalkan masyarakat yang bermoral dan beretika.

DSKP ini juga menekankan pemikiran aras tinggi dan kemahiran lain yang perlu dikuasai oleh murid bagi menyediakan mereka menghadapi cabaran dalam abad ke-21. Penguasaan pemikiran aras tinggi dan kemahiran lain ini akan membantu murid membina daya tahan diri dengan berkeyakinan dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian. Manakala pelbagai strategi PdP turut disarankan kepada guru bagi memastikan murid menguasai kurikulum Pendidikan Moral lebih bermakna. DSKP Pendidikan Moral ini juga menekankan pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan demi melahirkan warganegara yang sejahtera dan harmonis.

**MATLAMAT**

Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

**OBJEKTIF**


KSSM Pendidikan Moral bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui dan memahami konsep moral serta isu-isu moral dalam kehidupan seharian.
2. Mengembangkan penaakulan moral dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah moral berasaskan kepada prinsip moral.
3. Menyuburkan emosi moral ke arah tingkah laku berempati dan adil.
4. Mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti.
5. Memperkuuh elemen perpaduan dalam diri untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni.
6. Menghayati dan mengamalkan nilai universal untuk berakhhlak mulia.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepadan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni

berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Pendidikan Moral digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka KSSM

## FOKUS


Fokus KSSM Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan yang berakhhlak mulia. Pembentukan insan yang berakhhlak mulia ini dapat direalisasikan dengan menerapkan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid.

Domain penaakulan moral membolehkan murid berfikir sebelum bertindak. Emosi moral pula akan memotivasi murid untuk membuat perlakuan moral. Dengan ini perlakuan moral seorang murid akan menjurus ke arah insan yang berakhhlak mulia.

Domain moral ini juga akan mendorong seorang murid membuat pertimbangan moral (*moral judgement*) yang sesuai, tepat dan konsisten. Pertimbangan moral merupakan aspek utama dalam pembentukan moral yang membolehkan murid mengambil sesuatu tindakan berdasarkan kepada peraturan atau nilai universal.

Rajah 2 berikut menunjukkan hubungan antara penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral yang boleh membentuk insan yang berakhhlak mulia.

Rajah 2: Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral



Pembentukan insan yang berakhhlak mulia seperti yang diharapkan dalam matlamat kurikulum Pendidikan Moral boleh dicapai dengan mengintegrasikan ketiga-tiga domain berikut:

### **Penaakulan Moral**

Keupayaan mental untuk menaakul dalam situasi yang kabur atau berkonflik nilai demi mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah. Keupayaan mental dapat merungkai dan menyelesaikan masalah atau isu moral sebaik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berdasarkan kepada prinsip moral.

### **Emosi Moral**

Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Emosi moral melahirkan motivasi moral dan niat untuk bertindak berdasarkan empati dan simpati terhadap diri dan orang lain. Emosi moral ini boleh diekspresikan dalam bentuk luahan perasaan, fikiran, gerak geri dan sebagainya.

### **Perlakuan Moral**

Perlakuan moral adalah tindakan moral berkaitan antara penaakulan moral dan emosi moral. Ia dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti moral.

Ketiga-tiga domain tersebut perlu dikembangkan bersama dengan penerapan nilai universal untuk membantu murid membuat keputusan yang rasional dalam menyelesaikan permasalahan moral. Sehubungan itu, ketiga-tiga domain tersebut perlu diaplikasikan bersama dengan 18 nilai universal yang menjadi wahana bagi menghasilkan insan yang berakhhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia.

Guru perlu menjalankan PdP yang dapat menerapkan nilai ini. Dengan itu, murid yang mempelajari Pendidikan Moral dapat merungkai dan mencari penyelesaian bagi sebarang isu remaja atau dilema moral yang dihadapi oleh mereka dengan mengaplikasikan nilai tersebut. Nilai universal yang perlu diterapkan adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Universal Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Menengah.

<b>NILAI</b>	<b>MAKSUD NILAI</b>
<b>Kepercayaan kepada Tuhan</b>	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
<b>Bertanggungjawab</b>	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
<b>Berdikari</b>	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
<b>Harga Diri</b>	Berupaya menjaga maruah diri.
<b>Kerajinan</b>	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
<b>Berterima kasih</b>	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
<b>Patriotisme</b>	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
<b>Kebebasan</b>	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
<b>Keberanian</b>	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.

<b>NILAI</b>	<b>MAKSUD NILAI</b>
<b>Kejujuran</b>	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
<b>Rasional</b>	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
<b>Baik hati</b>	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
<b>Hemah tinggi</b>	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
<b>Hormat</b>	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
<b>Kasih sayang</b>	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
<b>Kerjasama</b>	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
<b>Kesederhanaan</b>	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
<b>Toleransi</b>	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

Di samping itu, elemen perpaduan turut diterjemahkan secara eksplisit dalam kurikulum Pendidikan Moral. Ia dijelmakan melalui tiga konstruk utama perpaduan iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian. Setiap konstruk utama pula mempunyai subkonstruk masing-masing yang sebenarnya merupakan elemen perpaduan yang perlu dipupuk dalam kalangan murid.

Subkonstruk menerima kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh bersikap terbuka, bertoleransi, percaya dan sanggup bekerjasama walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Manakala subkonstruk menghormati kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang berhemah tinggi, menghargai dan prihatin walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Seterusnya subkonstruk mengurus kepelbagaian pula merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang amanah, adil dan rasional walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.

Guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini hendaklah menyesuaikan elemen ini dengan nilai atau tajuk yang berkaitan dengan perpaduan tanpa mengubah disiplin ilmu dan kandungan mata pelajaran ini secara langsung atau sisipan.

## KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid supaya berupaya bersaing di peringkat global seperti dalam Jadual 2. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Pendidikan Moral boleh menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2 : Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Berdaya Tahan</b>	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
<b>Mahir Berkomunikasi</b>	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
<b>Pemikir</b>	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
<b>Kerja Sepasukan</b>	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap anggota pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka pemimpin dan anggota pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Bersifat Ingin Tahu</b>	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
<b>Berprinsip</b>	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
<b>Bermaklumat</b>	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika atau undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
<b>Penyayang atau Prihatin</b>	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
<b>Patriotik</b>	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 3.

Jadual 3: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
<b>Mengaplikasi</b>	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
<b>Menganalisis</b>	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
<b>Menilai</b>	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
<b>Mencipta</b>	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan

berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

KSSM Pendidikan Moral menggalakkan murid menyertai secara aktif dan interaktif dalam proses PdP. Penyertaan murid secara aktif dan interaktif dalam PdP adalah usaha untuk membentuk insan yang menyeluruh. Ini akan memberi peluang kepada murid untuk menyoal, berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain sewaktu memberi dan berkongsi pendapat dan idea. Seterusnya, membolehkan murid memahami, mengkaji peranan serta tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia dan global.

Antara strategi PdP yang dicadangkan dalam KSSM Pendidikan Moral adalah seperti Pembelajaran Aktif, Pembelajaran Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Khidmat Masyarakat dan Pembelajaran Berasaskan Projek.

### Pembelajaran Aktif

Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Moral akan membolehkan murid memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli yang berkesan dalam pelbagai kumpulan sosial seperti keluarga, sekolah, rakan, komuniti tempatan, agama, negara dan global. Ini adalah kerana Pembelajaran Aktif melibatkan penyertaan murid dalam proses pembelajaran *hands on* dan *minds-on*. Melalui

pembelajaran ini, murid akan diberi peluang untuk mengembangkan kemahiran dan nilai serta mengaplikasikan modal insan menyeluruh.

Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Aktif yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral. Antaranya ialah perbincangan atau kerja kumpulan kecil seperti sumbang saran, main peranan, simulasi, debat dan forum.

### Pembelajaran Penyelesaian Masalah

Dalam era globalisasi pada abad ke-21 ini, perubahan dan kompleksiti sentiasa berlaku di dalam komuniti tempatan, kebangsaan dan global. Murid Pendidikan Moral akan menghadapi pelbagai cabaran untuk menyelesaikan masalah sama ada secara peribadi atau sosial. Pembelajaran ini penting bagi membimbing murid Pendidikan Moral dalam kemahiran penyelesaian masalah, sama ada kepada diri sendiri dan persekitarannya. Ini adalah kerana masalah moral yang akan dikaji dan keputusan yang akan diambil lebih bermakna dan relevan dan boleh diaplikasikan dalam kehidupannya. Secara amnya, pembelajaran penyelesaian masalah dalam Pendidikan Moral akan melibatkan murid sendiri mencari jawapan kepada sesuatu permasalahan

moral mengenai peranan dan tanggungjawab diri melalui proses inkuiiri yang berikut:

- Mengenal pasti dan menghuraikan sesuatu masalah.
- Menentukan pelbagai alternatif untuk menyelesaikan masalah dengan mengambil kira fakta, pandangan dan perasaan watak yang terlibat.
- Memilih strategi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah seperti *Theory of Constraints (TOC)*, peta minda, sebab dan akibat dan konflik resolusi.
- Menguji keputusan tentatif yang dipilih dengan mengumpul dan menilai maklumat yang relevan dengan masalah.
- Membuat keputusan muktamad atau mengubahsuaiakan langkah atau strategi yang telah diambil.

Pembelajaran penyelesaian masalah secara aktif dalam Pendidikan Moral akan menjadikan asas kepada murid untuk memahami dan menangani perubahan yang berlaku di dalam kehidupan dan persekitarannya dengan bertanggungjawab dan berkesan.

Terdapat pelbagai aktiviti pembelajaran penyelesaian masalah yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti berikut:

- Debat
- Panel juri
- Main peranan
- Penyoalan
- Peta minda atau penyusunan grafik
- Perbincangan meja bulat
- Perbincangan berkumpulan

### **Pembelajaran Khidmat Masyarakat**

Pembelajaran Khidmat Masyarakat akan menggalakkan murid menyertai secara aktif dalam sesuatu projek komuniti. Melalui pembelajaran ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam menyelesaikan masalah sosial yang benar-benar berlaku di sekolah, komuniti, negara dan global.

Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat ini, murid akan menjalankan tanggungjawab dan kepemimpinan semasa aktiviti bersama masyarakat. Mereka juga akan mengamalkan nilai moral dan kemahiran sosial dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat. Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat, murid akan mempelajari secara aktif dan interaktif bagaimana menjadi seorang individu yang bertanggungjawab dan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.

Pembelajaran Khidmat Masyarakat memerlukan sokongan dan penglibatan ibu bapa serta komuniti tempatan. Oleh itu, guru Pendidikan Moral perlu mewujudkan jalinan *partnership* atau kolaborasi dengan agensi-agensi komuniti tempatan supaya memudahkan penyertaan murid dalam aktiviti kemasyarakatan. Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Khidmat Masyarakat yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti berikut:

- Memberi perkhidmatan secara langsung seperti melakukan gotong-royong di kawasan tempat tinggal, membantu warga sekolah membersihkan taman sekolah atau membantu penghuni di rumah orang tua.
- Memberi perkhidmatan secara tidak langsung seperti membantu sesebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan seperti mengutip derma bagi mangsa bencana alam.
- Mengambil tindakan secara bersama dengan komuniti seperti menulis surat atau aduan kepada pihak tertentu supaya menyediakan kemudahan awam yang sesuai untuk golongan kurang berasib baik.

### **Pembelajaran Berasaskan Projek**

PdP Pendidikan Moral adalah berpusatkan murid dan ia memerlukan perlakuan moral dipupuk secara implisit dengan pelbagai kaedah pembelajaran. Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral merupakan satu proses pembelajaran yang berfokuskan tugas amali secara sistematik atau terancang dalam jangka masa yang tertentu. Ia biasanya melibatkan kutipan serta analisis data dan persediaan satu laporan yang lengkap. Pembelajaran Berasaskan Projek bukan sahaja mampu menjadikan PdP Pendidikan Moral menjadi lebih berkesan tetapi juga menarik dan menyeronokkan.

Dalam melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek ini, murid diberi tugas tertentu sama ada secara individu atau kumpulan dan mengikut tahap kebolehan mereka. Murid perlu mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk menyiapkan projek yang diberi oleh guru. Semasa proses menyiapkan tugas, guru hendaklah sentiasa membimbing dan memberi konsultasi kepada murid.

Dalam Pembelajaran Berasaskan Projek ini juga guru perlu memantau proses penyediaan projek murid secara berterusan. Proses Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral melibatkan empat tahap iaitu mengumpul maklumat, memproses

maklumat, melaporkan hasil projek dan refleksi kendiri. Guru Pendidikan Moral hendaklah memastikan mereka mudah dihubungi oleh murid pada setiap masa.

Guru haruslah memastikan bahawa projek atau tugasan yang diberikan kepada murid boleh memupuk tiga domain Pendidikan Moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Bagi tujuan tersebut, guru digalakkan untuk menggunakan cadangan aktiviti yang terkandung dalam DSKP Pendidikan Moral. Di samping itu, guru juga digalakkan memberi peluang dan pilihan kepada murid untuk menghasilkan kerja projek mereka berdasarkan kreativiti dan inovasi berkaitan tajuk yang telah diajar.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

### 1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### 3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
  - i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi).
  - ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu).

- iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan).
- iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

## 5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

## 6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

## 7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

## 8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

## 9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

## 10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk

## PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

Pentaksiran adalah satu proses yang berterusan dan dijadikan sebahagian daripada PdP. Dalam pentaksiran, guru boleh menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan maklumat. Hasil pentaksiran terhadap murid membolehkan guru mengambil tindakan susulan yang berkesan dan seterusnya membantu guru memperkembangkan potensi murid sepenuhnya dalam domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Pentaksiran ini bertujuan meningkatkan pembelajaran murid berkenaan dan bukan untuk melabel dan membandingkan murid dengan murid yang lain.

Pentaksiran dalam mata pelajaran Pendidikan Moral lebih menekankan kepada usaha ke arah penambahbaikan (*improvement*) serta perkembangan (*development*) dan bukan pencapaian kognitif (*cognitive achievement*) semata-mata. Maklum balas yang diberi semasa atau selepas sesuatu aktiviti pentaksiran merupakan faktor penting dalam menjayakan proses pentaksiran. Pertimbangan harus diberi ke atas keperluan, perasaan dan perkembangan murid-murid secara menyeluruh semasa merancang proses pentaksiran. Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pentaksiran sekolah guru Pendidikan Moral perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melaporkan tahap penguasaan murid dengan teliti dalam mata pelajaran ini.

Pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral lebih banyak menggunakan pendekatan formatif dalam membentuk insan yang yang berakhhlak mulia. Ini adalah kerana melalui pentaksiran formatif Pendidikan Moral seorang guru dapat membantu murid menguasai ilmu moral secara berperingkat dan konsisten. Di samping itu, dengan pentaksiran formatif juga guru dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pembelajaran murid.

Melalui kaedah pentaksiran formatif guru Pendidikan Moral hendaklah merancang PdP berdasarkan kelompok SK dan SP. Dalam mata pelajaran Pendidikan Moral terdapat kelompok SK dan SP yang perlu dikuasai oleh murid. Guru Pendidikan Moral boleh menentukan Tahap Penguasaan murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi (SPi) yang disediakan bagi setiap kelompok. Guru Pendidikan Moral boleh mentadbir dan memeriksa pentaksiran formatif ini sebelum, semasa dan selepas PdP. Perekodan tahap penguasaan murid hanya boleh dilakukan setelah PdP bagi setiap kelompok SK dan SP selesai dilaksanakan.

Bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, guru boleh merujuk kepada penyataan tahap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Moral seperti yang terkandung dalam Jadual 4.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Mata Pelajaran Pendidikan Moral

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid mengetahui atau mengenal pasti berkaitan perkara yang dipelajari.
2	Murid memahami atau memberi maklum balas berkaitan perkara yang dipelajari.
3	Murid mengaplikasi atau menilai perkara yang dipelajari.
4	Murid menganalisis atau merumus berkaitan perkara yang dipelajari.
5	Murid menghayati dan memperkenalkan perasaan berkaitan perkara yang dipelajari dalam kehidupan sehari-hari.
6	Murid menghayati dan mengamalkan perkara yang dipelajari dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.

Guru boleh mentafsir tahap penguasaan murid melalui pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku dan respons serta pemeriksaan hasil kerja murid sama ada sebelum, semasa atau selepas PdP. Guru perlu merekod tahap penguasaan murid dengan menggunakan format perekodan yang disediakan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap

penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman bersama-sama murid, kebijaksanaan guru serta melalui perbincangan rakan sejawat.

Melalui kaedah pentaksiran sumatif, guru merancang dan menentukan SK dan SP beserta dengan kriteria SPi yang hendak ditaksir berdasarkan unit pembelajaran, penggal atau tahun. Guru membina item pentaksiran berdasarkan SK dan SP dan kriteria SPi yang telah ditentukan. Guru mentadbir pentaksiran sumatif ini pada akhir unit pembelajaran, penggal atau tahun yang telah ditentukan. Guru memeriksa respons murid dan merekod tahap penguasaan murid. Guru boleh membuat analisis data yang direkodkan dan menyediakan laporan prestasi murid secara individu. Antara kaedah pentaksiran adalah:

- Projek
- kajian kes
- kerja kursus
- kerja berkumpulan
- maklum balas lisan
- kuiz dan ujian bertulis
- rubrik atau senarai semak
- kaedah pemerhatian
- membina buku skrap dan folio
- membuat demonstrasi atau simulasi

Cadangan kaedah pentaksiran seperti di atas boleh dijadikan panduan oleh guru untuk mentaksir murid semasa dan selepas menjalankan proses PdP. Kaedah ini boleh dipraktikkan oleh guru untuk menetapkan tahap penguasaan murid yang meliputi penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral berpandukan kepada Taksonomi Bloom.

Pentaksiran formatif dan sumatif ini dijalankan sepanjang proses PdP untuk membantu guru mengesan penguasaan dan kemajuan murid serta merancang pengajaran atau strategi seterusnya. Bagi mencapai matlamat, guru Pendidikan Moral harus melaksanakan pentaksiran secara berulang-ulang dan berterusan. Sebagai persediaan, guru harus membuat perancangan dan membina item, instrumen atau aktiviti untuk melihat proses kerja, hasil kerja dan tingkah laku yang ditunjukkan secara konsisten.

Pentaksiran autentik juga lebih sesuai dijalankan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral. Pentaksiran autentik merujuk kepada bentuk penilaian di mana murid ditaksir pada masa menjalankan tugas aktiviti pembelajaran harian di dalam dan di luar kelas. Bagi mendapatkan hasil atau evidens terbaik, konteks (standard pembelajaran atau aktiviti) yang digunakan untuk mentaksir murid harus mengambil kira aspek minat, budaya, latar belakang sosioekonomi, pengalaman sehari-hari, persekitaran, kekuatan,

ketidakupayaan dan kebolehlaksanaan murid. Oleh yang demikian, fleksibiliti dibenarkan dari segi instrumen dan aktiviti yang dirancang oleh guru.

Pentaksiran bagi mata Pelajaran Pendidikan Moral boleh melibatkan orang lain seperti rakan sebaya, pembantu guru, ahli keluarga dan komuniti mengikut kesesuaian. Pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber dan aktiviti akan menghasilkan dapatan yang mempunyai kesahan bagi membantu guru membuat keputusan yang lebih jelas tanpa ragu-ragu. Tujuan utama pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Moral adalah untuk merancang tindakan susulan supaya murid dapat menguasai hasil pembelajaran yang dihasratkan oleh guru. Tindakan susulan boleh dikategorikan kepada dua jenis seperti berikut:

- Pengukuhan dan pengayaan pembelajaran adalah untuk murid yang sudah menguasai SP dan tahap penguasaan yang ditetapkan. Maka, latihan tambahan yang lebih mencabar perlu diberikan kepada golongan murid ini.
- Bimbingan dan pemulihan adalah untuk murid yang belum atau dalam proses menguasai SP dan tahap penguasaan yang ditetapkan. Oleh itu, golongan murid ini perlu diberi galakan dan aktiviti bimbingan yang bersesuaian pada tahap

penguasaan mereka. Kaedah PdP yang relevan dan sesuai perlu diaplikasikan.

## ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Pendidikan Moral digubal secara bertema dan mengandungi tujuh bidang yang menjadi wahana untuk menyampaikan dan menerapkan nilai universal secara berterusan dalam diri murid. Penggubalan bidang ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya. Bidang tersebut adalah seperti dalam Jadual 5:

Jadual 5: Bidang Pengajaran Mengikut Tingkatan

BIL.	BIDANG	TINGKATAN
1	Pengenalan Moral	
2	Diri, Keluarga dan Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatan 1</li> </ul>
3	Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatan 2</li> </ul>
4	Moral, Peraturan dan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatan 3</li> </ul>
5	Insan Bermoral	
6	Jati Diri Moral	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatan 4</li> </ul>
7	Moral dan Kenegaraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatan 5</li> </ul>

Setiap SK diterjemahkan melalui SP. Guru perlu merujuk kepada maklumat yang terdapat dalam SK dan SP untuk mengetahui tumpuan, kedalaman dan keluasan tajuk yang perlu diajar. SPi pula merupakan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara yang diajar itu telah dikuasai oleh murid. SPi pula digubal dengan mengambil kira tahap keperluan, perkembangan dan kematangan murid. Penerangan bagi setiap SK, SP dan SPi ditunjukkan seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Organisasi Kandungan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Bagi menggunakan DSKP Pendidikan Moral secara optimum, adalah perlu bagi guru Pendidikan Moral untuk mengetahui dan menghayati kandungan yang terdapat dalam empat lajur penting yang akan membantu guru mencerakinkan PdP.

Lajur-lajur yang terdapat dalam DSKP adalah Lajur Standard Kandungan, Lajur Standard Pembelajaran, Lajur Standard Prestasi dan Lajur Catatan.

Kedudukan empat lajur tersebut dan penerangan berkaitan lajur-lajur ditunjukkan secara grafik dalam Rajah 4 berikut:

The diagram illustrates the four stages of DSKP KSSM Moral Education:

- 1. STANDARD KANDUNGAN**
- 2. STANDARD PEMBELAJARAN**
- 3. STANDARD PRESTASI**
- 4. CATATAN**

**STANDARD KANDUNGAN:** 2.4 Adab Persahabatan

**STANDARD PEMBELAJARAN:** Murid boleh:

- 2.4.1 Menyenaraikan perlakuan beradab dalam persahabatan.
- 2.4.2 Menjelaskan melalui contoh kepentingan adab dalam persahabatan.
- 2.4.3 Membezakan perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.
- 2.4.4 Menghuraikan batasan adab persahabatan.
- 2.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat menjalinkan persahabatan yang beradab.
- 2.4.6 Mempraktikkan amalan hidup beradab dalam menjalin persahabatan pelbagai kaum.

**STANDARD PRESTASI:**

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perlakuan beradab dalam persahabatan.
2	Menerangkan kepentingan adab dalam persahabatan.
3	Menilai perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.
4	Menghubungkait adab persahabatan dan batasannya.
5	Menghayati dan memamerkan perasaan apabila menjalinkan persahabatan yang beradab dalam kehidupan seharian.
6	Menghayati dan mengamalkan hidup beradab dalam menjalin persahabatan pelbagai kaum secara tekal atau boleh dicontohi.

**CATATAN:**

- Cadangan nilai**
  - Kebebasan
  - Kejujuran
  - Toleransi
  - Hemah tinggi
  - Hormat
- Cadangan isu atau situasi**
  - Pembimbing rakan sebaya
  - Pengaruh rakan sebaya
  - Persahabatan merentasi kepelbagaian kaum
- Cadangan aktiviti**
  - Menulis autobiografi atau memoir sahabat.
  - Menghantar emel atau berkongsi maklumat dalam blog tentang pengalaman dalam menjalin persahabatan.
  - Mengadakan pameran tentang gambar, album, buku skrap mengenai kenangan bersama dengan kawan.
  - Mengadakan perbahasan bertajuk 'Persahabatan Realiti Lebih Bermanfaat daripada Persahabatan Maya'.

Rajah 4: Empat Lajur DSKP KSSM Pendidikan Moral

**1**

### Lajur Standard Kandungan

Lajur ini mengandungi pernyataan spesifik tentang konsep atau tindakan moral yang murid patut ketahui dan boleh lakukan.

**2**

### Lajur Standard Pembelajaran

Lajur ini merupakan penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap SK. Indikator-indikator pembelajaran Pendidikan Moral ini dibina berdasarkan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Penetapan kriteria ini juga mengambil kira aspek KBAT yang boleh dicapai oleh murid.

**3**

### Lajur Standard Prestasi

Lajur ini adalah suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid. Lajur ini terbahagi kepada dua iaitu tahap penguasaan dan tafsiran bagi tahap penguasaan tersebut.

**4**

### LajurCatatan

Lajur ini mengandungi cadangan nilai, cadangan isu atau situasi dan cadangan aktiviti yang boleh digunakan oleh guru bagi memastikan SK dan SP dapat dikuasai oleh murid. **Cadangan nilai** merupakan nilai-nilai yang boleh diterapkan oleh guru dalam satu sesi PdP.

Nilai-nilai yang lain yang bersesuaian yang tidak terdapat dalam lajur cadangan nilai masih boleh digunakan oleh guru sekiranya perlu. Nilai dalam lajur ini adalah antara 18 nilai universal yang berdasarkan prinsip moral yang terkandung dalam KSSM Pendidikan Moral.

Selain daripada itu, lajur ini juga turut memuatkan **Cadangan isu atau situasi** untuk merancang PdP yang efektif. Isu atau situasi yang dikemukakan bukan sahaja yang berkaitan dengan pengalaman diri murid tetapi juga meliputi hubungannya dengan keluarga, komuniti, negara, dan peringkat antarabangsa. Isu atau situasi yang dicadangkan perlu diterjemahkan dan dikaitkan dengan SK dan SP. Walau bagaimanapun, guru boleh memilih mana-mana isu atau situasi yang sesuai dengan SK dan SP mengikut kreativiti guru.

**Cadangan aktiviti** yang terdapat dalam lajur ini turut membantu guru melaksanakan aktiviti PdP yang menarik dan berkesan. Cadangan aktiviti yang dikemukakan telah mengambil kira kesesuaian SK dan SP.

Guru boleh mengubahsuai cadangan aktiviti ini sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan juga keadaan sekeliling murid. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai SP.

## PENGENALAN MORAL

Bidang ini membincangkan pengenalan moral yang berkaitan sumber moral berdasarkan agama, kepercayaan dan norma masyarakat. Ini bertujuan untuk melahirkan murid sebagai insan bermoral yang boleh bertingkah laku mulia dan menyumbang kepada masyarakat. Di samping itu, dapat membantu murid bertindak dengan integriti dan membuat keputusan yang bertanggungjawab berpandukan sumber moral yang meliputi agama, kepercayaan dan norma masyarakat yang dipelajari.

## 1.0 PENGENALAN MORAL

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.1 <b>Sumber Moral Berdasarkan Agama, Kepercayaan dan Norma Masyarakat</b>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Menamakan sumber moral.</p> <p>1.1.2 Menghuraikan sumber agama atau kepercayaan yang menjadi asas kepada prinsip moral.</p> <p>1.1.3 Menjelaskan melalui contoh norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral.</p> <p>1.1.4 Merumuskan kepentingan sumber moral bagi membentuk insan bermoral.</p> <p>1.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral.</p> <p>1.1.6 Melaksanakan sikap berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat.</p>	1	Menyatakan sumber moral.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepercayaan kepada Tuhan</li> <li>• Hormat</li> <li>• Toleransi</li> <li>• Rasional</li> <li>• Kesederhanaan</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rukun Negara</li> <li>• Perpaduan dalam kepelbagaian agama atau kepercayaan</li> <li>• Kepelbagaian budaya dan norma masyarakat</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyatakan sumber moral melalui peta minda.</li> <li>• Membuat pameran mini atau tayangan video tentang adat perkahwinan masyarakat Malaysia dan mengaitkannya dengan sumber moral.</li> <li>• Menghasilkan folio tentang pelbagai sumber moral dan kepentingannya.</li> </ul>
		2	Menerangkan sumber agama atau kepercayaan yang menjadi asas kepada prinsip moral.	
		3	Menilai norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral.	
		4	Menghubungkait sumber moral dan kepentingannya.	
		5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral dalam kehidupan seharian.	
		6	Menghayati dan mengamalkan sikap berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat secara tekal atau boleh dicontohi.	

## **DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN**

Bidang ini membincangkan aspek diri, keluarga dan persahabatan yang berkaitan agama atau kepercayaan, tanggungjawab diri dan keluarga serta adab persahabatan. Ini bertujuan untuk membentuk jati diri remaja supaya patuh terhadap pegangan agama atau kepercayaan, bertanggungjawab terhadap diri dan keluarga serta beradab dalam persahabatan.

**2.0 DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>2.1 Agama atau Kepercayaan membentuk Keperibadian Diri</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan maksud keperibadian diri.	<b>Cadangan nilai</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kepercayaan kepada Tuhan</li><li>• Harga diri</li><li>• Hemah tinggi</li><li>• Kesederhanaan</li><li>• Bertanggungjawab</li></ul>
	2.1.1 Mendefinisikan keperibadian diri.	2	Menerangkan ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan.	<b>Cadangan isu atau situasi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Agama sebagai panduan hidup</li><li>• Tokoh agama sebagai teladan diri</li><li>• Pengguguran atau pembuangan bayi</li><li>• Anti Rasuah</li><li>• Jenayah Juvana</li></ul>
	2.1.2 Menghuraikan ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan.	3	Menilai kesan jika tiada pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri.	<b>Cadangan aktiviti</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengadakan perbincangan kumpulan mengenai maksud keperibadian diri.</li><li>• Membina peta pemikiran tentang ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan.</li><li>• Mengadakan aktiviti Jelajah Ilmu berkaitan kesan jika tiada pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri.</li></ul>
	2.1.3 Mengkaji kesan jika tiada pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri.	4	Menghubungkait pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri dan kepentingannya.	
	2.1.4 Menjelaskan kepentingan pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri.	5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melaksanakan ajaran agama atau kepercayaan dalam kehidupan seharian.	
	2.1.5 Memerihalkan perasaan apabila melaksanakan ajaran agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri.	6	Menghayati dan mengamalkan perlakuan berdasarkan ajaran agama atau kepercayaan secara tekal atau boleh dicontohi.	
	2.1.6 Merealisasikan perlakuan berdasarkan ajaran agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri.			

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>2.2 Tanggungjawab Diri</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan tanggungjawab diri.	<b>Cadangan nilai</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Bertanggungjawab</li><li>• Berdikari</li><li>• Kasih sayang</li><li>• Hemah tinggi</li><li>• Harga diri</li></ul>
	2.2.1 Menyenaraikan tanggungjawab diri.	2	Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri.	<b>Cadangan isu atau situasi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sayangi diri</li><li>• Keselamatan diri</li><li>• Kecelaruan minda</li><li>• Gejala buli atau peras ugut</li></ul>
	2.2.2 Menjelaskan dengan contoh cara melaksanakan tanggungjawab diri.	3	Menilai kesan menjalankan tanggungjawab diri.	
	2.2.3 Menaakul kepentingan menjalankan tanggungjawab diri.	4	Menghubungkait pelaksanaan tanggungjawab diri dan kesanya.	<b>Cadangan aktiviti</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Menulis diari tentang tanggungjawab diri.</li><li>• Membuat peta minda tentang kesan tanggungjawab diri.</li><li>• Membuat aku janji mengenai tangggungjawab diri.</li><li>• Mereka cipta cogan kata yang menggambarkan tanggungjawab diri.</li></ul>
	2.2.4 Menghuraikan kesan mengabaikan tanggungjawab diri.	5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melaksanakan tanggungjawab diri dalam kehidupan seharian.	
	2.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat melaksanakan tanggungjawab diri.	6	Menghayati dan mengamalkan perlakuan tanggungjawab diri secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.3 <b>Tanggungjawab Diri dalam Keluarga</b>	Murid boleh:	1 2 3 4 5 6	Menyatakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab</li> <li>Kasih sayang</li> <li>Hormat</li> <li>Kerjasama</li> <li>Toleransi</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penjagaan atau pengabaian anggota keluarga seperti warga tua dan Orang Kurang Upaya.</li> <li>Lari dari rumah</li> <li>Sumbang mahram</li> <li>Kerenggangan hubungan keluarga akibat pengaruh dan penyalahgunaan teknologi moden</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menghasilkan kad ucapan, album atau folio keluarga.</li> <li>Mengadakan forum tentang pandangan pelbagai agama atau kepercayaan tentang tanggungjawab diri terhadap keluarga dalam kehidupan seharian.</li> <li>Membina pohon keluarga.</li> <li>Mengadakan projek lawatan ke rumah orang tua atau rumah kebajikan masyarakat.</li> </ul>
	2.3.1 Menyenaraikan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga.		Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga.	
	2.3.2 Menjelaskan cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga.		Menilai kepentingan menjalankan tanggungjawab diri dalam keluarga.	
	2.3.3 Merumus kepentingan melaksanakan tanggungjawab diri dalam keluarga.		Menghubungkait tanggungjawab diri terhadap keluarga dan kesannya.	
	2.3.4 Menghuraikan kesan mengabaikan tanggungjawab diri terhadap keluarga.		Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila melaksanakan tanggungjawab diri terhadap keluarga dalam kehidupan seharian.	
	2.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat melaksanakan tanggungjawab diri dalam keluarga.		Menghayati dan mengamalkan perlakuan tanggungjawab diri terhadap keluarga secara tekal atau boleh dicontohi.	
	2.3.6 Merealisasikan tanggungjawab diri terhadap keluarga.			

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.4 <b>Adab Persahabatan</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan perlakuan beradab dalam persahabatan.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebebasan</li> <li>• Kejujuran</li> <li>• Toleransi</li> <li>• Hemah tinggi</li> <li>• Hormat</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembimbing rakan sebaya</li> <li>• Pengaruh rakan sebaya</li> <li>• Persahabatan merentasi kepelbagaian kaum</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menulis autobiografi atau memoir sahabat.</li> <li>• Menghantar emel atau berkongsi maklumat dalam blog tentang pengalaman dalam menjalin persahabatan.</li> <li>• Mengadakan pameran tentang gambar, album, buku skrap mengenai kenangan bersama dengan kawan.</li> <li>• Mengadakan perbahasan bertajuk ‘Persahabatan Realiti Lebih Bermanfaat daripada Persahabatan Maya’.</li> </ul>
	2.4.1 Menyenaraikan perlakuan beradab dalam persahabatan.	2	Menerangkan kepentingan adab dalam persahabatan.	
	2.4.2 Menjelaskan melalui contoh kepentingan adab dalam persahabatan.	3	Menilai perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.	
	2.4.3 Membezakan perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.	4	Menghubungkait adab persahabatan dan batasannya.	
	2.4.4 Menghuraikan batasan adab persahabatan.	5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila menjalin persahabatan yang beradab.	
	2.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat menjalin persahabatan yang beradab.	6	Menghayati dan mengamalkan hidup beradab dalam menjalin persahabatan pelbagai kaum secara tekal atau boleh dicontohi.	



## BIDANG 3: HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI & MASYARAKAT

Bidang ini membincangkan aspek hubungan antara diri, komuniti dan masyarakat yang berkaitan hidup berjiran, masyarakat penyayang, perkhidmatan awam, alam sekitar serta gaya hidup sihat dan selamat. Ini bertujuan untuk melahirkan remaja yang berhemah yang boleh hidup berjiran, menjadi masyarakat penyayang, menggunakan perkhidmatan awam secara berhemah, melindungi alam sekitar dan mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat.

### 3.0 HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>3.1 Hidup Berjiran</b>	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Menakrifkan konsep kejiranan.</p> <p>3.1.2 Menjelaskan manfaat hidup berjiran.</p> <p>3.1.3 Mencirikan sikap jiran yang positif dan negatif.</p> <p>3.1.4 Mencadangkan cara untuk merapatkan hubungan sesama jiran.</p> <p>3.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat hidup berjiran.</p> <p>3.1.6 Merealisasikan hidup berjiran dalam masyarakat pelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa.</p>	1	Menyatakan konsep kejiranan.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama</li> <li>• Hormat</li> <li>• Toleransi</li> <li>• Hemah tinggi</li> <li>• Berterima kasih</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semangat kejiranan (contoh: masalah sampah, parkir sebarangan, muzik kuat atau binatang peliharaan)</li> <li>• Perpaduan antara jiran berlainan agama, bangsa, budaya dan bahasa</li> <li>• Keselamatan dan kebajikan jiran melalui Rukun Tetangga</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan sketsa ‘Jiran Sepakat Membawa Berkat’.</li> <li>• Menghasilkan buku skrap tentang jiran dengan menggunakan kaedah temu bual, soal selidik atau pemerhatian.</li> <li>• Melaksanakan projek Hari Kejiranan.</li> </ul>
		2	Menerangkan manfaat hidup berjiran.	
		3	Menilai sikap jiran yang positif dan negatif.	
		4	Menghubungkait cara untuk merapatkan hubungan hidup berjiran dengan keharmonian setempat.	
		5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila hidup berjiran dalam kehidupan seharian.	
		6	Menghayati dan mengamalkan hidup berjiran dalam masyarakat pelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.2 Masyarakat Penyayang	<p>Murid boleh:</p> <p>3.2.1 Menyenaraikan ciri masyarakat penyayang.</p> <p>3.2.2 Memerihalkan kepentingan memperkuuh masyarakat penyayang.</p> <p>3.2.3 Menjana idea tentang cara menyantuni masyarakat yang berkeperluan.</p> <p>3.2.4 Mewajarkan keutamaan dalam membantu masyarakat yang berkeperluan bagi merealisasikan masyarakat penyayang.</p> <p>3.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat membantu mewujudkan masyarakat penyayang.</p> <p>3.2.6 Mempraktikkan amalan masyarakat penyayang dalam konteks kepelbagaiannya agama, bangsa, budaya dan bahasa.</p>	1	Menyatakan ciri masyarakat penyayang.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kasih sayang</li> <li>• Kerjasama</li> <li>• Baik hati</li> <li>• Hormat</li> <li>• Toleransi</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semangat perpaduan dalam masyarakat kepelbagaiannya agama, bangsa, budaya dan bahasa</li> <li>• Sikap individualistik dalam masyarakat</li> <li>• Golongan yang tersisih dan terabai seperti pesakit HIV, bekas banduan, bekas penagih dadah dan gelandangan</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti mengumpul sumbangan untuk individu yang ditimpa musibah.</li> <li>• Membuat kajian masa depan mengenai model masyarakat penyayang mengikut identiti negara yang diimpikan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>3.3 Perkhidmatan Awam Menjamin Kesejahteraan Hidup</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab</li> <li>• Patriotisme</li> <li>• Berterima kasih</li> <li>• Hemah tinggi</li> <li>• Rasional</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecekapan agensi perkhidmatan awam</li> <li>• Jenayah kolar putih seperti rasuah dan pecah amanah</li> <li>• Sambutan hari istimewa seperti Hari Bomba dan Penyelamat serta Hari Guru</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganjurkan lawatan sambil belajar ke mahkamah, penjara, pejabat pos atau balai polis.</li> <li>• Mengadakan projek pameran perkhidmatan awam seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.</li> <li>• Main peranan tentang cara berurusan dengan agensi perkhidmatan awam secara berhemah.</li> </ul>
	3.3.1 Mengenal pasti agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia.	2	Menjelaskan kepentingan agensi perkhidmatan awam kepada masyarakat.	
	3.3.2 Menerangkan kepentingan agensi perkhidmatan awam kepada masyarakat.	3	Menilai cara menghargai agensi perkhidmatan awam .	
	3.3.3 Menghuraikan cara menghargai agensi perkhidmatan awam.	4	Menghubungkait peranan agensi perkhidmatan awam yang efektif dengan kesejahteraan hidup.	
	3.3.4 Menjelaskan peranan agensi perkhidmatan awam yang efektif untuk meningkatkan kesejahteraan hidup.	5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan terhadap agensi perkhidmatan awam dalam kehidupan seharian.	
	3.3.5 Menyatakan perasaan terhadap keberkesanannya agensi perkhidmatan awam yang disediakan.	6	Menghayati dan mengamalkan tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam secara tekal atau boleh dicontohi.	
	3.3.6 Mengamalkan tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam yang disediakan.			

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>3.4</b> <b>Lindungi Alam Sekitar</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan peranan masyarakat dalam melindungi alam sekitar.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kasih sayang</li> <li>• Bertanggungjawab</li> <li>• Rasional</li> <li>• Kerjasama</li> <li>• Kerajinan</li> </ul>
	3.4.1 Mengenal pasti peranan masyarakat dalam melindungi alam sekitar.	2	Menerangkan langkah-langkah badan kerajaan dalam melindungi alam sekitar .	<p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bencana alam disebabkan tindakan manusia</li> <li>• Kontradiksi kepesatan pembangunan dengan perlindungan alam sekitar</li> <li>• Kepupusan flora dan fauna</li> </ul>
	3.4.2 Menghuraikan langkah-langkah badan kerajaan dalam melindungi alam sekitar.	3	Menilai sumbangan badan bukan kerajaan untuk melindungi alam sekitar.	
	3.4.3 Menjelaskan sumbangan badan bukan kerajaan untuk melindungi alam sekitar.	4	Menghubungkait kesan aktiviti manusia dengan keseimbangan alam sekitar.	
	3.4.4 Mengkaji kesan aktiviti manusia terhadap keseimbangan alam sekitar.	5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melibatkan diri dalam aktiviti melindungi alam sekitar dalam kehidupan seharian.	<p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) seperti lawatan ke taman rekreasi.</li> <li>• Menjalankan gotong-royong membersihkan kawasan pantai atau taman.</li> <li>• Menyertai program kitar semula.</li> <li>• Mewujudkan Sudut Lestari Alam di dalam kelas seperti tanaman hidroponik.</li> </ul>
	3.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila melibatkan diri dalam aktiviti melindungi alam sekitar.	6	Menghayati dan mengamalkan tingkah laku ke arah melindungi alam sekitar secara tekal atau boleh dicontohi.	
	3.4.6 Mengamalkan tingkah laku ke arah melindungi alam sekitar.			

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>3.5 Gaya Hidup Sihat dan Selamat</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan gaya hidup sihat dan selamat.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harga diri</li> <li>• Kerajinan</li> <li>• Bertanggungjawab</li> <li>• Berdikari</li> <li>• Kesederhanaan</li> </ul>
	3.5.1 Mendefinisikan gaya hidup sihat dan selamat.	2	Menerangkan aktiviti gaya hidup sihat dan selamat.	
	3.5.2 Menghuraikan aktiviti gaya hidup sihat dan selamat.	3	Menilai kesan amalan gaya hidup sihat dan selamat.	
	3.5.3 Mengkajikesan amalan gaya hidup sihat dan selamat terhadap diri, komuniti dan masyarakat.	4	Menghubungkait amalan gaya hidup sihat dan selamat dengan kesejahteraan hidup.	
	3.5.4 Mengenal pasti amalan gaya hidup sihat dan selamat demi kesejahteraan hidup.	5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat dalam kehidupan sehari-hari.	
	3.5.5 Melahirkan perasaan apabila mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat.	6	Menghayati dan mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat secara tekal atau boleh dicontohi.	<p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan Pemakanan (contoh: Piramid makanan)</li> <li>• Obesiti</li> <li>• Ketagihan seperti gajet dan menghidu gam</li> <li>• Kemurungan</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membina jadual aktiviti harian seperti membina jadual pemakanan sihat.</li> <li>• Mengadakan pameran mini berkaitan pengurusan stress.</li> <li>• Menjalankan pemeriksaan kesihatan atau pergigian.</li> <li>• Menyertai sesi senamrobik. Menyertai aktiviti rekreasi atau riadah.</li> </ul>
	3.5.6 Mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat dalam kehidupan sehari-hari.			

## BIDANG 4 : MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

Bidang ini membincangkan moral, peraturan dan undang-undang yang berkaitan adab di tempat awam, etika dan undang-undang siber, keselamatan jalan raya, konflik identiti diri dan Hak Asasi Manusia. Ini bertujuan untuk menerap dan mendidik murid untuk menjadi insan yang bermoral yang akan membawa keharmonian dan kesejahteraan kepada diri, masyarakat dan negara.

#### 4.0 MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
4.1 <b>Adab di Tempat Awam</b>	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Menyenaraikan tempat-tempat awam.</p> <p>4.1.2 Menghuraikan cara beradab di tempat awam.</p> <p>4.1.3 Merumuskan kepentingan beradab di tempat awam.</p> <p>4.1.4 Membanding beza amalan beradab dan tidak beradab ditempat awam.</p> <p>4.1.5 Mengekspresikan perasaan beradab di tempat awam berdasarkan kepada situasi.</p> <p>4.1.6 Mempraktikkan amalan beradab di tempat awam.</p>	1	Menyatakan tempat-tempat awam.	<b>Cadangan nilai</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hemah tinggi</li> <li>• Kesederhanaan</li> <li>• Harga diri</li> <li>• Rasional</li> <li>• Kebebasan</li> </ul>
		2	Menerangkan cara beradab di tempat awam.	<b>Cadangan isu atau situasi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Budaya lepak atau berpeleseran</li> <li>• Berkelakuan tidak sopan di tempat awam seperti meludah atau membuang sampah</li> <li>• Vandalisme</li> <li>• Budaya Hedonisme</li> </ul>
		3	Menilai kepentingan beradab di tempat awam.	<b>Cadangan aktiviti</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat ulasan tentang keratan akhbar mengenai salah laku di tempat awam.</li> <li>• Melakar peta minda tentang adab di tempat awam.</li> <li>• Mengadakan perbahasan bertemakan pertentangan adab dan budaya generasi lama dan baharu.</li> </ul>
		4	Menghubungkait amalan beradab dan tidak beradab di tempat awam dengan keharmonian masyarakat.	
		5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila beradab di tempat awam dalam kehidupan seharian.	
		6	Menghayati dan mengamalkan adab di tempat awam secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>4.2 Etika dan Undang-undang Siber</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan etika berkomunikasi dalam siber.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab</li> <li>• Harga diri</li> <li>• Patriotisme</li> <li>• Hemah tinggi</li> <li>• Kesederhanaan</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyalahgunaan internet</li> <li>• Jenayah siber seperti hasutan, fitnah atau plagiat</li> <li>• Ketagihan gajet</li> <li>• Penggodaman</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melayari laman web Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mencari maklumat tentang undang-undang siber.</li> <li>• Menghasilkan kad interaktif mengikut peraturan SKMM.</li> <li>• Menyertai pertandingan, projek membina laman web atau blog sendiri dengan mematuhi undang-undang siber.</li> </ul>
	4.2.1 Menyenaraikan etika semasa berkomunikasi dalam siber.	2	Menerangkan etika dan undang-undang siber.	
	4.2.2 Menjelaskan etika dan undang-undang siber.	3	Menilai kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber.	
	4.2.3 Memerihalkan kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber.	4	Menghubungkait penggunaan internet secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber dengan kesannya.	
	4.2.4 Mengkaji kesan penggunaan internet secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber.	5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila mematuhi etika dan undang-undang siber dalam kehidupan seharian.	
	4.2.5 Melahirkan perasaan apabila mematuhi etika dan undang-undang siber.	6	Menghayati dan mengamalkan tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam siber secara tekal atau boleh dicontohi.	
	4.2.6 Mengamalkan tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam siber.			

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
4.3 Keselamatan Jalan Raya	<p>Murid boleh:</p> <p>4.3.1 Menyenaraikan peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya.</p> <p>4.3.2 Membanding beza peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya.</p> <p>4.3.3 Menjelaskan kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.</p> <p>4.3.4 Menghuraikan langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya.</p> <p>4.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.</p> <p>4.3.6 Mengamalkan sikap mengutamakan keselamatan ketika berada di jalan raya.</p>	1	Menyatakan peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hormat</li> <li>• Bertanggungjawab</li> <li>• Toleransi</li> <li>• Kasih sayang</li> <li>• Rasional</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keselamatan jalan raya</li> <li>• Pembuli jalan raya</li> <li>• Pemanduan berhemah</li> <li>• Operasi keselamatan jalan raya</li> <li>• Lumba haram</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menayangkan video atau iklan mengenai kemalangan jalan raya.</li> <li>• Mengadakan lawatan ke akademi memandu.</li> <li>• Menyediakan brosur atau risalah untuk meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya.</li> <li>• Menyertai 'Rakan COP'.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
4.4 <b>Konflik Identiti Diri</b>	<p>Murid boleh:</p> <p>4.4.1 Mendefinisikan konflik identiti diri sebagai remaja.</p> <p>4.4.2 Menghuraikan faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri sebagai remaja.</p> <p>4.4.3 Mencadangkan cara mengatasi konflik identiti diri yang dihadapi oleh golongan remaja.</p> <p>4.4.4 Memerihalkan kepentingan menangani konflik identiti diri.</p> <p>4.4.5 Menceritakan perasaan apabila berjaya menangani konflik identiti diri sebagai remaja.</p> <p>4.4.6 Mengamalkan penyelesaian konflik identiti diri sebagai remaja mengikut cara yang betul.</p>	1	Menyatakan maksud konflik identiti diri sebagai remaja.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rasional</li> <li>• Harga diri</li> <li>• Keberanian</li> <li>• Berdikari</li> <li>• Kejujuran</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konflik identiti diri yang berkaitan dengan norma masyarakat</li> <li>• Bunuh diri atau lari dari rumah</li> <li>• Pergaulan bebas</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan wawancara yang bertemakan konflik identiti diri dalam kalangan remaja.</li> <li>• Mengadakan aktiviti Jelajah Ilmu mengenai jenis-jenis penyelesaian konflik identiti diri.</li> <li>• Mendapatkan maklumat melalui internet tentang penyelesaian konflik identiti diri.</li> <li>• Menayangkan video berkaitan isu-isu identiti diri.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>4.5 Lindungi Hak Wanita, Hak Pengguna, Hak Orang Kurang Upaya dan Hak Pekerja demi Kesejahteraan Bersama</b>	Murid boleh:	1	Menyatakan hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.	<p><b>Cadangan nilai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hormat</li> <li>• Kasih sayang</li> <li>• Keberanian</li> <li>• Bertanggungjawab</li> <li>• Kesederhanaan</li> </ul> <p><b>Cadangan isu atau situasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang kemanusiaan</li> <li>• Penyeludupan atau pemerdagangan manusia</li> <li>• Penderaan atau pengabaian</li> <li>• Keganasan rumah tangga</li> <li>• Pelarian</li> </ul> <p><b>Cadangan aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan Teater Forum tentang Hak Asasi Manusia.</li> <li>• Menghasilkan risalah yang mengandungi maklumat tentang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.</li> </ul>
	4.5.1 Menyenaraikan hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.		Menerangkan kepentingan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.	
	4.5.2 Menjelaskan kepentingan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.		Menilai langkah yang diambil oleh badan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.	
	4.5.3 Menghuraikan langkah yang diambil oleh badan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.		Menghubungkait sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan dalam melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja	
	4.5.4 Mencadangkan sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.		Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja dilindungi dalam kehidupan seharian.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
	<p>4.5.5 Menceritakan perasaan jika hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja dilindungi.</p> <p>4.5.6 Mengamalkan sikap melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.</p>	6	Menghayati dan mengamalkan sikap melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja secara tekal atau boleh dicontohi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan Sudut Khas Hak Asasi Manusia dalam kelas, kantin, foyer atau papan kenyataan.</li> </ul>

**PANEL PENGGUBAL DSKPKSSM PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 2**

- |   |  |
|---|--|
| 1. Tn. Hj.Mohd Kamal bin Hj. Abdullah       | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya                    |
| 2. En. Velusamy a/l Kuppusamy               | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya                    |
| 3. En. Magesvaran a/l Superamaniam          | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya                    |
| 4. Pn. Azmarina binti Abdul Samad           | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya                    |
| 5. YBrs. Dr.Nadarajan a/l Thambu            | Universiti Pendidikan Sultan Idris,Tanjung Malim, Perak      |
| 6. En. Mohd Nazer bin Hasim                 | Jabatan Pendidikan Negeri Selangor,Shah Alam, Selangor       |
| 7. Pn. Badriyatun binti Kamar               | IPG Kampus Raja Melewar,Seremban,Negeri Sembilan             |
| 8. En. Chander a/l Vengadasalam             | IPG Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan |
| 9. En. Sanmugam a/l Sinnappan               | IPG Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan |
| 10. Cik. J.Krishna Kumary a/p Juval         | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur      |
| 11. En. Uthayakumaran a/l Karuppiah         | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur          |
| 12. Pn. Vijayaletcmy a/p Muniyandy          | IPG Kampus Ilmu Khas,Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur           |
| 13. Pn. Amuthavally a/p Kaneson             | SMK Tinggi Kajang,Kajang, Selangor                           |
| 14. En. Khairul Anuar bin Hj.Ismail         | SMK Perempuan Kapar, Kapar,Selangor                          |
| 15. En. Mohammad Solehin bin Mohamad Nordin | SMK Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan                    |
| 16. Pn. S.Philomina a/p G.Saverimuthu       | SMK Seri Serdang,Serdang, Selangor                           |

## PENGHARGAAN

### **Penasihat**

- |    |                                   |                   |
|----|-----------------------------------|-------------------|
| 1. | YBrs. Dr. Sariah binti Abd. Jalil | Pengarah          |
| 2. | En. Shamsuri bin Sujak            | Timbalan Pengarah |
| 3. | YBhg. Datin Dr. Ng Soo Boon       | Timbalan Pengarah |

### **Penasihat Editorial**

- |    |                                      |              |
|----|--------------------------------------|--------------|
| 1. | YBrs. Dr. A'azmi bin Shahri          | Ketua Sektor |
| 2. | En. Mohamed Zaki bin Abd. Ghani      | Ketua Sektor |
| 3. | Tn. Haji Naza Idris bin Saadon       | Ketua Sektor |
| 4. | Pn. Chetrilah binti Othman           | Ketua Sektor |
| 5. | Pn. Zaidah binti Mohd. Yusof         | Ketua Sektor |
| 6. | En. Mohd Faudzan bin Hamzah          | Ketua Sektor |
| 7. | YBrs. Dr. Rusilawati binti Othman    | Ketua Sektor |
| 8. | En. Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | Ketua Sektor |





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
62604 Putrajaya,  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>